

BAB DUA :

NUSYŪZ MENURUT SYARAK

2.1 Pengenalan

Hakikat perkahwinan adalah perkongsian hidup dua insan yang berlainan jantina dan latar belakang. Namun, amat menyedihkan apabila pertentangan pendapat dan perbezaan pemikiran berlaku sehingga menyebabkan tercetusnya isu-isu yang boleh menyebabkan salah faham antara keduanya. Situasi inilah yang boleh membawa kepada konflik dalam rumah tangga. Justeru, suami dan isteri yang terlibat dalam konflik harus berusaha mengenal pasti punca kepada krisis yang berlanjutan dan berbincang bagi mencari jalan penyelesaian agar perkahwinan dapat diselamatkan.

2.2 Definisi *Nusyūz*

2.2.1 Literal

Nusyūz berasal daripada perkataan *nasyaza* (نَشَرَ)¹ yang bermaksud tanah yang tinggi² atau tempat yang tinggi.³ *Nusyūz* pada maksud literalnya membawa pengertian membangkang⁴ ataupun derhaka⁵ dan tidak taat.⁶ *Nusyūz* berasal daripada perkataan

¹ Muḥammad Idrīs ‘Abd al-Ra‘uf al-Marbawī. (1995). *Kamus Idris al-Marbawī* (‘Arab-Melayu), Kuala Lumpur : Dārul Nu‘mān, hlmn. 318.

² Abū Bakr Aḥmad Ibn ‘Alī al-Rāzī al-Ḥanafī al-Jaṣāṣ. (1993M/1412H). *Aḥkām al-Qur’ān*, Juz. 1, Beirut : Dār al-Fikr, hlmn. 195; Muḥammad al-Ṣābūnī. (2004). *Tafsīr Ayat al-Aḥkām min al-Qur’ān*, Beirut : Dār al-Qur’an al-Karīm, hlmn. 816.

³ ‘Alī Muḥammad al-Bajāwī. (t.t). *Aḥkām al-Qur’ān Li Abī Bakr Muḥammad Ibn ‘Abd Allah*, Bahagian 1, (t.t.p) : (t.p), hlmn. 417.

⁴ Muḥammad al-Ṣābūnī. (2004). *Op.Cit.*, hlmn. 816.

⁵ Abū Ḥassan Dīn al-Ḥafīz. (t.t). *Hakikat Kepimpinan Dalam Rumahtangga*, Kuala Lumpur: Penerbit Watan, hlmn. 28.

⁶ Muḥammad al-Syarbīnī. (1958M/1378H). *Mughnī al-Muḥtāj*, Jil. 4, Mesir: al-Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, hlmn. 251.

iaitu *nasyaza*, *yanshuzu*, *nushūzan* (نَشَرَ يَنْشُرُ نَشُورًا) yang memberi beberapa maksud dan antaranya ialah bangkit dari tempatnya atau bangun.⁷

Firman Allah s.w.t, iaitu :

Ayat 259, Surah Al-Baqarah

وَأَنْظُرْ إِلَى الْعِظَامِ كَيْفَ نُنشِرُهَا ثُمَّ نَكْسُوهَا لَحْمًا

Maksud :

Dan lihatlah kepada tulang-tulang (keldai) itu, bagaimana kami menyusunnya kembali kemudian kami menyalutnya dengan daging.

Ayat 11, Surah Al-Mujadalah

وَإِذَا قِيلَ ادْنُرُوا فَأَنْشُرُوا

Maksud :

Dan apabila diminta kamu bangun, maka bangunlah.

2.2.2 Terminologi

Dari segi terminologi pula, para fuqaha dan ulama' tafsir telah memberi pelbagai definisi mengenai *nusyūz*.⁸ Al-Baydhāwī mentafsirkan *nusyūz* sebagai pengabaian tanggungjawab dan ketidaktaatan sebagai suami mahupun isteri.⁹ Keadaannya ialah apabila salah satu pihak sama ada suami atau isteri mengabaikan tanggungjawab, maka berlakulah *nusyūz*. Ketaatan yang dimaksudkan ialah seorang isteri atau suami yang saling mentaati dalam rumah tangga.¹⁰

⁷ Ibn Manzūr, Muḥammad Ibn Mukarram. (1994M/1414H). *Lisān al-'Arab*, Jil.5, Cet. 3, Beirut : Dār Ṣadīr, hlmn. 418.

⁸ Ibn Manzūr, Muḥammad Ibn Mukarram. (1994M/1414H). *Ibid.*, hlmn. 418.

⁹ Syaikh Muḥammad Aḥmad Kan'ān. (1984/1404). *Al-Qur'ān al-Karīm Mawāhib al-Jalīl Min Tafṣīr al-Baydhāwī*, Cet. 1, Beirut : Dār al-Lubnān, hlmn. 105.

¹⁰ Ibn al-'Arabī, Muḥammad Ibn 'Abd Allah. (1957M/1317H). *Aḥkām al-Qur'ān*, Juz. 1, Beirut : Dār al-Ma'rīfah, hlmn. 170.

Imam Muḥammad ‘Abdūh pula berpendapat *nusyūz* meliputi semua derhaka yang disebabkan sifat kesombongan dan pembangkangan.¹¹ Menurut Dr. Hamka, *nusyūz* bermaksud tidak patuh dan tidak taat sama ada kepada Allah s.w.t ataupun kepada suami sebagai pemimpin.¹²

Sementara itu, Sayyid Qutb mengklasifikasikan *nusyūz* sebagai perempuan-perempuan yang tidak soleh bertepatan dengan isteri yang *nusyūz* kerana merasakan diri berada di tempat yang tinggi dan merupakan gambaran bagi menilai jiwanya.¹³ Oleh itu, isteri yang *nusyūz* merasakan dirinya lebih unggul sehingga dengan sesuka hatinya membangkang dan menderhakai suaminya.

Dalam kitab Mughni al-Muḥtāj pula ada menyatakan bahawa isteri dianggap *nusyūz* apabila ingkar dari menunaikan tanggungjawab terhadap suaminya atau menderhakai suami.¹⁴ *Nusyūz* bukan sahaja berlaku di pihak isteri, malah berlaku juga di sebelah suami dan juga melalui kedua-duanya apabila timbulnya pengabaian dalam menunaikan tanggungjawab sebagai suami dan isteri.¹⁵

Kesimpulannya, *nusyūz* bermaksud perderhakaan atau pengabaian tanggungjawab sama ada di pihak suami atau isteri tanpa alasan munasabah yang bersesuaian dengan kehendak syarak. Isteri yang *nusyūz* ialah isteri yang menderhakai suaminya dan suami yang *nusyūz* pula ialah suami yang menzalimi atau menganiayai isterinya.

2.3 Asas Pensabitan *Nusyūz*

Asas dan sandaran kepada *nusyūz* yang menjadi rujukan para ulama dan fuqaha adalah daripada nas-nas al-Quran dan al-Sunnah.

¹¹ Muḥammad ‘Uthmān al-Khasyāt.(1991). *Krisis Rumahtangga dan Cara Penyelesaiannya*, Kuala Lumpur: Dār al-Fikr, hlmn. 69.

¹² Abdul Mālik Abdul Karīm ‘Amrullah. (1982). *Tafsīr al-Azhār*, Juz. 4, Jakarta : Pustaka Nasional, hlmn. 60.

¹³ Sayyid Qutb. (1994M/1414H). *Fī Zilāl al-Qur’ān*, Jil. 2, Cet. 22, Beirut: Dār al-Syurūk, hlmn. 656.

¹⁴ Muḥammad al-Syarbīnī. (1958M/1378H). *Op. Cit.*, hlmn. 259.

¹⁵ Abū al-A’la al-Maududī. (1985). *Ḥuqūq al-Zaujain*, t.p : Dār al-Sau’diyyah, hlmn. 44.

2.3.1 Dalil Al-Quran

Nusyūz isteri terhadap suami merujuk kepada firman Allah s.w.t, iaitu :

(a) Ayat 34, Surah al-Nisa'

وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ
وَأَضْرِبُوهُنَّ طِءً فَإِنْ أَطَعْتَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا

Maksud :

Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyūz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka berdegil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya).

Nusyūz di dalam ayat tersebut membawa maksud kederhakaan isteri terhadap suaminya. Ayat ini diturunkan ketika perselisihan suami isteri iaitu anak perempuan Muḥammad Ibn Salamah dengan suaminya Sa'ad Ibn al-Rābi', seorang pemimpin golongan Ansar. Sa'ad telah menempelang isterinya yang *nusyūz* sehingga meninggalkan kesan di muka, lalu isterinya telah mengadu kepada Rasulullah s.a.w. dan Baginda berkata : Engkau balaslah dia (qisas) dan hendaklah bersabar. Kemudian, turunlah ayat ini yang menjelaskan bahawa lelaki berkuasa ke atas wanita dan seolah-olah Allah s.w.t menjadikan lelaki sebagai ketua ke atas wanita untuk menjalankan hukuman.¹⁶

(b) Ayat 128, Surah al-Nisa'

وَإِنْ أَمْرًا خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا
صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُحْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ
كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

¹⁶ Al-Fakhr al-Rāzī. (1938M/1358H). *Al-Tafsīr al-Kabīr Li al-Imām al-Fakhr al-Rāzī.*, Juz. 10, Cet. 1, Mesir: al-Maḥba'ah al-Bahiyah al-Miṣriyyah, hlmn. 90.

Maksud :

Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya ‘nusyūz’ (kebencian) atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik);

Ayat tersebut menjelaskan bahawa *nusyūz* juga boleh terjadi daripada pihak suami yang membawa maksud kebencian terhadap isterinya.

(c) Ayat 129, Surah al-Nisa’

وَلَنْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ ۖ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمَيْلِ فَتَذَرُوهَا
كَالْمُعَلَّقَةِ ۗ وَإِنْ تُصْلِحُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١٢٩﴾

Maksud :

Oleh itu janganlah kamu cenderung melampau-lampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga membiarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awangan).

Oleh itu, dengan ini jelaslah bahawa atas mengukuhkan lagi bahawa *nusyūz* bukan setakat berlaku di pihak isteri bahkan berkemungkinan berlaku pada pihak suami. Isu yang dikemukakan dalam ayat tersebut ialah berkenaan suami yang tidak adil dan tidak melaksanakan tanggungjawab sebaiknya dalam keadaan berpoligami.

2.3.2 Dalil Al-Hadith

Sementara itu, terdapat hadith yang turut menegaskan perkara mengenai *nusyūz* dan kaedah penyelesaiannya, iaitu hadith yang diriwayatkan oleh Al-Tarmizi dan Ibn Majah, Rasulullah s.a.w. bersabda :

عَنْ عَمْرُو بْنِ الْأَخْوَصِ الْجُشَمِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حِجَةِ الْوِدَاعِ يَقُولُ بَعْدَ أَنْ حَمَدَ اللَّهُ تَعَالَى ، وَأَثْنَى عَلَيْهِ وَذَكَرَ وَوَعَّظَ ، ثُمَّ قَالَ : أَلَّا وَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا فَإِنَّمَا هُنَّ عَوَانٌ عِنْدَكُمْ لَيْسَ تَمْلِكُونَ مِنْهُنَّ شَيْئًا غَيْرَ ذَلِكَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُبَيَّنَةٍ، فَإِنَّ فَعَلْنَ فَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ ضَرْبًا غَيْرَ مُبْرَحٍ، فَإِنِ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا . أَلَّا إِنَّ لَكُمْ عَلَى نِسَائِكُمْ حَقًّا ، وَلِنِسَائِكُمْ عَلَيْكُمْ حَقًّا. رواه الترمذي

Maksud :

Daripada ‘Amru bin Al-Ahwas Al-Jusyami r.a mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda pada Haji Wida’, selepas memuji dan bertakbir, mengingatkan dan menasihatkan. Kemudian Rasulullah s.a.w. berkata : Berpesan-pesanlah kamu dengan kebaikan tentang perempuan (para isteri). Sesungguhnya mereka itu adalah khas untuk kamu (para suami). Kamu tidak mempunyai milik sesuatu pun ke atas diri mereka itu selain daripada yang demikia, kecuali apabila mereka itu melakukan kekejian yang nyata. Jika mereka lakukan maka pulaulah mereka di tempat tidur dan pukul mereka itu dengan pukulan yang tidak melukakan. Dan jika mereka patuh dan taat, maka kamu tiada hak membuat tindakan ke atas diri mereka itu. Sesungguhnya kamu mempunyai hak ke atas isteri-isterimu; dan isteri-isterimu mempunyai hak ke atas dirimu.

Hadith diriwayatkan oleh Abu Daud, Al-Nasaie dan Ibn Majah, iaitu daripada riwayat Mu‘awiyah al-Qushairi bahawa Rasulullah s.a.w. ditanya oleh seorang lelaki mengenai hak isteri ke atas suami. Rasulullah s.a.w. bersabda :

تُطْعِمُهَا إِذَا أَكَلْتَ ، وَتَكْسُوهَا إِذَا اكْتَسَيْتَ ، وَلَا تَضْرِبُ الْوَجْهَ ، وَلَا تُقَبِّحُ ، وَلَا تَهْجُرُ إِلَّا فِي الْبَيْتِ . رَوَاهُ أَحْمَدُ ، وَأَبُو دَاوُدَ ، وَالتَّنْسَائِيُّ ، وَابْنُ مَاجَةَ

Maksud :

Engkau (suami) harus memberi makan kepadanya (isteri)apabila kamu makan, engkau member pakaian kepadanya apabila kamu

mengadakan pakaianmu, jangan pukul muka, jangan menghinanya dan jangan kamu pulaukannya kecuali di dalam rumah.

2.4 Kategori Nusyūz

Pengabaian tanggungjawab yang diamanahkan dalam rumah tangga menyebabkan berlakunya *nusyūz* dan keadaan-keadaan ini bukan hanya disandarkan kepada isteri semata-mata. Suami juga boleh disabitkan sebagai *nusyūz* apabila gagal melaksanakan tanggungjawab terhadap isteri dan keluarga.

Menurut Al-Farra dan beberapa ulama' fiqh dalam mazhab Syafi'e menyatakan di dalam penulisan masing-masing bahawa *nusyūz* dibahagikan kepada tiga kategori iaitu *nusyūz* di pihak isteri, *nusyūz* di pihak suami dan *nusyūz* kedua-dua pihak. *Nusyūz* isteri mahupun *nusyūz* suami turut dijelaskan di dalam al-Quran dalam ayat 34 dan 127 surah al-Nisa'. Namun demikian, *nusyūz* kedua-dua pihak adalah merupakan konflik rumah tangga yang membawa kepada *syiqaq* dan tidak dibincangkan dalam kajian ini.

Secara ringkasnya, *syiqaq* adalah cabang daripada *nusyūz* dan lebih umum. Perbezaan yang jelas antara *nusyūz* dan *syiqaq* ialah *nusyūz* melibatkan salah seorang pihak dalam perkahwinan, iaitu sama ada suami ataupun isteri. Keadaan ini berbeza dengan *syiqaq* yang melibatkan pengabaian tanggungjawab kedua-dua belah pihak, iaitu isteri dan juga suami.

2.4.1 Nusyūz Pihak Isteri

Nusyūz di pihak isteri ialah isteri yang menderhakai, angkuh serta ingkar terhadap sesuatu yang telah diperintahkan oleh Allah s.w.t. berkaitan tanggungjawab

yang perlu dilaksanakan terhadap suami¹⁷ tanpa alasan yang munasabah mengikut hukum syarak.

2.4.1.1 Tanda-tanda isteri *nusyūz*

Keadaan *nusyūz* isteri terhadap suami boleh berlaku sama ada melalui percakapan dan juga melalui perbuatan atau tindakan. Oleh demikian, para isteri seharusnya mengambil berat berkenaan perihal tutur percakapan dan atur tindakan terhadap suami masing-masing agar tidak berada di dalam keadaan yang menunjukkan *nusyūz* kepada suami.

Menurut Imam Syafi'e, *nusyūz* kadangkala berlaku pada perkataan dan juga perbuatan. Sebagai contoh, *nusyūz* melalui perkataan ialah isteri yang menunjukkan kata-kata penentangan terhadap suaminya manakala *nusyūz* perbuatan isteri adalah melalui reaksinya yang bercanggah dengan apa yang diinginkan oleh suami. Perkara-perkara inilah yang dikatakan sebagai *nusyūz*.¹⁸

Tanda-tanda isteri *nusyūz* yang dapat dilihat melalui percakapan dan perbuatan adalah seperti berikut :-

(i) *Nusyūz* isteri melalui percakapan;

(a) *Bercakap kasar terhadap suaminya seperti menengking;*

Nusyūz juga dilihat melalui keingkaran isteri yang dizahirkan melalui perkataan atau percakapan isteri seperti mengeluarkan kata-kata kasar dan kesat terhadap suami dan juga memasamkan muka di luar dari sifat keperibadiannya.¹⁹

(b) *Memburuk-burukkan suami atau keluarga suaminya tanpa sebarang alasan yang munasabah.*

¹⁷ Abū Ishāq al-Syirāzī. (t.t). *Al-Muhaddhab*. Kaherah : Maṭba'ah al-Ḥalabī, hlmn. 421.

¹⁸ Al-Fakr al-Rāzī. (1938), *Op. Cit.*, hlmn. 989.

¹⁹ Muḥammad al-Syarbīnī. (1415H). *Al-Iqna'*. Juz. 2, Beirut : Dār al-Fikr, hlmn. 432.

(ii) *Nusyūz isteri melalui perbuatan;*

- (a) *Enggan menunaikan ajakan suami untuk hubungan kelamin atau perbuatan yang menyebabkan suami tidak dapat akses isterinya.*

Seseorang isteri boleh dikategorikan sebagai *nusyūz* apabila bertindak menolak ajakan suami, iaitu isteri tidak mahu disetubuhi tanpa sebarang keuzuran syarie walaupun hanya bertindak menghalang suami dari bercumbu dengannya. Sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dan Al-Tirmizi :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَعَا الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ إِلَى فِرَاشِهِ فَلَمْ تَأْتِهِ فَبَاتَ غَضْبَانَ عَلَيْهَا لَعَنَتَهَا الْمَلَائِكَةُ حَتَّى تُصْبِحَ.²⁰ (صحيح مسلم، كتاب النكاح، باب تحريم امتناعها من فراش زوجها: 157/4؛ الجليل)

Maksud :

Daripada Abi Hurairah, Rasulullah s.a.w. bersabda : Apabila suami mengajak isterinya ke tempat tidur, namun isterinya menolak ajakan tersebut dan tindakan tersebut membuatkan suaminya marah, maka para malaikat akan melaknatinya (isteri) sehingga waktu pagi.

Sekiranya isteri berkata : “*Berilah maskahwin, kemudian saya akan serahkan diri*” padahal telahpun berlaku persetubuhan sebelum itu atau maharnya telah ada dalam akad nikah ditangguhkan, maka isteri tersebut tetap boleh dihukum sebagai *nusyūz*.²¹ Hal ini kerana, isteri tidak boleh menolak ajakan suami untuk bersama setelah menyerahkan dirinya walaupun sekali sahaja sebelum itu. Keadaan ini bermakna isteri telah menggugurkan haknya daripada menahan diri daripada disetubuhi oleh suami.

Dalam keadaan lain, sekiranya isteri sedang sakit ataupun tumbuhnya bisul yang akan menyiksanya jika mengadakan hubungan kelamin, maka perkara tersebut merupakan keuzuran dalam membolehkan isteri untuk tidak bersetubuh dengan suami.

²⁰ Muslīm Ibn al-Ḥajāj. (1991). *Ṣaḥīḥ Muslīm Bi Syarḥ al-Nawawī*. Juz. 10, Mesir : Dār al-Fikr, hlmn. 7.

²¹ Al-Ḥusainī, Imām Taqiuddīn Abū Bakr bin Muḥammad. (2009). Terj. Syed Ahmat Semait. *Kifāyah al-Akhyār Fī Ḥal Ghāyah al-Ikhtisār*. Jil. 2, Singapura : Kerjaya Media Pte. Ltd., hlmn. 131.

Keuzuran sebegini tidak menyebabkan isteri boleh disabitkan sebagai *nusyūz* kerana terdapat sebab dan mudarat yang mendatang sekiranya keinginan suami untuk berhubungan kelamin dipenuhi oleh isteri.

Namun, keadaan berbeza apabila isteri mengenakan syarat bagi membolehkan suaminya mendapat akses sebagai hubungan antara suami dan isteri, iaitu apabila isteri berkata : “*Saya tidak mahu menyerahkan diri kecuali di rumah saya sendiri*”, maka perkara tersebut dikira sebagai *nusyūz*.²²

Ketika berpuasa di bulan Ramadhan pula, isteri berhak untuk menolak kemahuan suami untuk bersetubuh dan tidak boleh disabitkan sebagai telah *nusyūz* jika enggan. Sementara itu, dalam keadaan isteri mengqada puasa wajibnya dan suami memaksa isteri membuka puasa, juga tidak dilarang daripada menolak kemahuan suami. Isteri tidak boleh disabitkan sebagai *nusyūz* dan hak nafkah tidak gugur.

(b) *Keluar daripada rumah kelaminnya tanpa kebenaran suami.*

Isteri enggan berpindah ke rumah yang telah disediakan oleh suami setelah diajak tanpa alasan yang syarie sedangkan rumah tersebut telah disediakan dengan peralatan dan kelengkapan yang sempurna sesuai dengan kelayakan yang ada pada suami. Isteri wajib untuk tinggal di rumah yang ditetapkan oleh suaminya serta tidak boleh keluar meninggalkan rumah itu kecuali dengan izin suaminya. Diriwatkan oleh al-Bazzar :

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ ، أَنَّ امْرَأَةً مِنْ خَتَمِ أَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، أَخْبِرْنِي مَا حَقُّ الزَّوْجِ عَلَى الزَّوْجَةِ ؟ فَإِنِّي امْرَأَةٌ أَيِّمٌ ، فَإِنِ اسْتَطَعْتُ ، وَإِلَّا جَلَسْتُ أَيِّمًا ، قَالَ : " حَقُّ الزَّوْجِ عَلَى الزَّوْجَةِ ، إِنْ سَأَلَهَا نَفْسَهَا ، وَهِيَ عَلَى ظَهْرِ بَعِيرٍ أَنْ لَا تَمْنَعَهُ نَفْسَهَا ، وَمَنْ حَقُّ الزَّوْجِ عَلَى الزَّوْجَةِ أَنْ لَا تَصُومَ تَطَوُّعًا إِلَّا بِإِذْنِهِ ، فَإِنْ فَعَلَتْ جَاعَتْ وَعَطِشَتْ وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا ، وَلَا تَخْرُجُ مِنْ بَيْتِهَا إِلَّا

²² Al-Ḥusainī, Imām Taqiuddīn Abū Bakr bin Muḥammad. (2009). *Op Cit.*, hlmn. 303.

بِأُذُنِهِ ، فَإِنْ فَعَلَتْ لَعَنَتْهَا مَلَائِكَةُ السَّمَاءِ وَمَلَائِكَةُ الرَّحْمَةِ ، وَمَلَائِكَةُ الْعَذَابِ حَتَّى
تَرْجِعَ " ، قَالَتْ : لا جَرَمَ لا أَتَزَوَّجُ أَبَدًا . قال المنذري في " الترغيب . رواه
الطبراني

Maksud :

Daripada Ibn ‘Abbas bahawa seorang perempuan daripada Khath‘am datang kepada Rasulullah s.a.w. dan berkata : Wahai Rasulullah, beritahulah kepadaku apakah hak suami ke atas isteri, sesungguhnya saya perempuan tanpa suami, kalau saya mampu, saya akan kahwin dan kalau tidak, maka biarlah saya berada dalam keadaan tidak bersuami. Baginda s.a.w. bersabda : Sesungguhnya hak suami ke atas isterinya, jika suami mahukan berseronok-seronok dengan dirinya (bersetubuh) sedang isteri berada di atas belakang unta, maka isteri tidak boleh menegahnya, dan bahawa isteri tidak harus puasa sunat kecuali lapar dan dahaganya hanya sia-sia, Allah tidak akan terima puasanya, dan ia tidak harus keluar rumah kecuali dengan izinnya. Jika ia dilakukan juga, maka para malaikat di langit, malaikat rahmat dan malaikat azab melaknatnya.

Lalu perempuan itu berkata, “*Demi sesungguhnya saya tidak akan berkahwin buat selama-lamanya.*”.

Isteri yang keluar dari rumah tanpa keizinan dari suami serta tidak mempunyai alasan syarie, sama ada keluar bukan bertujuan untuk mengadu sesuatu kepada Qadi²³ (mahkamah) bagi menuntut haknya ke atas suami, seperti suami yang menzaliminya. Begitu juga jika isteri keluar dari rumah disebabkan tempat tinggal yang tidak sesuai, kelengkapan rumah yang tidak sempurna seperti pada kebiasaan sesebuah rumah tangga atau seumpamanya, maka dalam keadaan demikian isteri tidak dianggap *nusyūz*.

Sementara itu, para fuqaha mempunyai pendapat yang berbeza tentang isteri yang keluar dari rumah untuk melawat ibu bapanya tanpa keizinan suami.

²³ Muḥammad al-Syarbīnī. (1415H). *Op. Cit.*, hlmn. 260.

Pendapat pertama; sebahagian besar ulama Hanafi berpendapat bahawa isteri berhak melawat orang tuanya setiap minggu sama ada dengan keizinan atau tidak dan tidak boleh disabitkan sebagai *nusyūz*.²⁴

Pendapat kedua; daripada mazhab Syafie dan Hanbali yang menyatakan bahawa isteri tidak berhak untuk melawat orang tuanya tanpa kebenaran suaminya terlebih dahulu sama ada untuk melawat biasa atau untuk merawat atau untuk menyaksikan jenazah. Perkara ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w :

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَجُلًا سَافَرَ وَمَنَعَ زَوْجَتَهُ مِنَ الْخُرُوجِ ، فَمَرَضَ أَبُوهَا ، فَاسْتَأْذَنَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي عِيَادَةِ أَبِيهَا ، فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اتَّقِي اللَّهَ ، وَلَا تُخَالِفِي زَوْجَكَ.فَمَاتَ أَبُوهَا ، فَاسْتَأْذَنَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حُضُورِ جَنَازَتِهِ ، فَقَالَ لَهَا : اتَّقِي اللَّهَ ، وَلَا تُخَالِفِي زَوْجَكَ .فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّي قَدْ غَفَرْتُ لَهَا بِطَاعَةِ زَوْجِهَا .

Maksud :

Daripada Anas r.a., sesungguhnya seorang lelaki bermusafir dan melarang isterinya keluar dari rumah, maka bapanya sakit, maka isteri meminta izin daripada Rasulullah s.a.w untuk melawat bapanya. Jawab Baginda : Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan jangan menyalahi suami kamu, maka diwahyukan kepada Nabi s.a.w sesungguhnya Aku (Allah) telah memberi pengampunan kepadanya dengan sebab taat kepada suaminya.

Hadith tersebut menerangkan bahawa patuh dan taat kepada suami adalah wajib dan merawat orang tuanya adalah tidak wajib. Oleh demikian, tidak seharusnya meninggalkan perkara wajib dengan mengutamakan perkara yang tidak wajib. Justeru, tidak diharuskan kepada seseorang isteri keluar rumah tanpa keizinan suami. Namun demikian, sewajarnya suami tidak bertindak menghalang isteri daripada merawat ibu

²⁴ Muḥammad Jawād Mughniyah. (1995). *Al-Fiqh 'Ala Al-Mazāhib Al-Khamsah*. Beirut : Dār Al-Jawād, hlmn. 403.

atau bapanya yang sedang sakit atau melawat mereka kerana perbuatan demikian adalah memutuskan hubungan silaturrahim antara anak dan kedua ibu bapanya.²⁵

Pendapat ketiga; daripada kalangan ulama mazhab Maliki, yang menghuraikan perkara ini dengan turut merungkaikan berkaitan tanggungan suami terhadap nafkah isteri keluar rumah tanpa kebenaran suami. Perkara ini terdapat tiga keadaan, iaitu :

- (i) Isteri yang keluar rumah tanpa kebenaran suami sama ada masih dalam ikatan perkahwinan atau semasa dalam ‘iddah raj‘ie atau bain mengandung dan suami tidak mampu mengembalikan isteri supaya patuh atau taat kepadanya. Keadaan ini adalah sebesar-besar *nusyūz*. Oleh itu, nafkah adalah tidak diwajibkan kepada isteri semasa keluar rumah tersebut. Namun, jika suami mampu menghalang isteri keluar rumah tersebut pada peringkat awalan, tetapi tidak pula menghalang kemudiannya, maka diwajibkan nafkah.
- (ii) Isteri keluar rumah tanpa kebenaran suami sama ada untuk melancong atau menjalankan urusan perniagaan. Para ulama bersependapat menyatakan bahawa nafkah adalah tidak diwajibkan kepada isterinya.
- (iii) Isteri keluar rumah untuk mengerjakan ibadat haji atau umrah.

Apabila isteri berihram haji atau umrah dan mendapat izin suami, maka pemergiannya bersama suami tidak menggugurkan haknya terhadap nafkah. Namun, jika pemergiannya tidak bersama suami, maka gugur hak nafkah menurut qaul yang azhar. Sekiranya isteri berihram tanpa izin suami, suami boleh menghalalkannya, iaitu membatalkan ihram isteri jika haji sunat secara pasti.

Demikian juga dengan haji fardhu kerana hak suami mesti ditunaikan segera. Sekiranya suami tidak menghalalkannya, maka si isteri berhak mendapat nafkah selama tidak pergi kerana isteri tetap berada dalam kekuasaannya dan suami bebas

²⁵ Muḥammad Jawād Mughniyah. (1995). *Op. Cit.*, hlmn. 403.

menghalalkannya pada bila-bila masa sahaja untuk bersenang-senang dengan isteri. Namun, ada sesetengah pendapat yang mengatakan bahawa isteri tidak berhak mendapat nafkah kerana telah *nusyūz* dengan sebab ihram tersebut.

Para ulama membahagikan tentang ibadat haji atau umrah kepada haji atau umrah wajib dan haji atau umrah sunat.

Bahagian Pertama; Isteri keluar rumah untuk mengerjakan ibadat haji atau umrah wajib, tanpa kebenaran suami. Para ulama mempunyai pendapat yang berbeza tentang nafkah kepada isteri yang keluar rumah untuk tujuan mengerjakan ibadat haji dan umrah wajib.

Pendapat pertama; Ulama mazhab Hanafi dan Mazhab Malik serta mazhab Hanbali menyatakan bahawa isteri tersebut berhak mendapat nafkah semasa mengerjakan ibadat haji dan umrah wajib. Ulama' Maliki pula menghuraikan tentang cara pemergian; jika pemergian itu bersama mahramnya atau kawannya yang boleh diharapkan, maka isteri berhak mendapat nafkah walaupun tanpa kebenaran suami kerana menunaikan tanggungjawab agama ke atas setiap individu. Sementara itu, mazhab Hanbali pula menyatakan bahawa isteri yang mengerjakan haji dan umrah wajib dan melakukan ihram pada waktu wajib sahaja berhak mendapat nafkah. Jika berihram sebelum miqat atau sebelum waktu wajib, maka tidak berhak mendapat nafkah.

Pendapat kedua; Ulama mazhab Syafi'e pula menyatakan bahawa seseorang yang mengerjakan ibadat haji dan umrah wajib tanpa kebenaran suami, tidak berhak mendapat nafkah kerana keluar rumah tanpa kebenaran suami.

Bahagian Kedua; Isteri keluar rumah untuk mengerjakan haji atau umrah sunat tanpa kebenaran suami. Para ulama bersependapat menyatakan bahawa isteri yang keluar rumah untuk mengerjakan haji atau umrah sunat tanpa kebenaran suami tidak berhak mendapat nafkah dan dikira *nusyūz* kerana ibadat haji dan umrah wajib hanya

dituntut oleh agama mengerjakannya sekali sahaja sepanjang hayat setiap individu. Manakala ibadat haji sunat atau umrah sunat adalah tidak dituntut oleh agama tanpa kebenaran suami. Oleh itu, jika isteri melakukan juga tanpa kebenaran suami adalah dikira *nusyūz*.

(c) *Enggan bermusafir dengan suami ataupun bukan bersama mahramnya tanpa keredhaan suami.*

Dalam situasi isteri enggan bermusafir dengan suami ataupun bermusafir tanpa keizinan suaminya termasuk bagi tujuan tuntutan pekerjaan, maka isteri berdosa dan dianggap *nusyūz*²⁶ dan suami tidak wajib menyediakan nafkah isterinya sepanjang tempoh musafir tersebut.

(d) *Mengkhiyanati suami dan tidak menjaga amanah suami.*

Isteri yang dikategorikan sebagai *nusyūz* juga adalah isteri yang sanggup mengkhianati suaminya dan tidak menjaga amanah suami dengan baik. Perkara ini juga termasuklah isteri yang tidak bijak menguruskan harta suaminya. Hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ
كُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، فَالْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ
وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ، وَالْمَرْأَةُ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا رَاعِيَةٌ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا
فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksud :

Semua kamu adalah (pemimpin) gembala dan setiap kamu bertanggungjawab tentang jagaannya, amir adalah penjaga (pemimpin), lelaki (suami) adalah pemimpin bagi ahli keluarganya, isteri adalah

²⁶ Muḥammad al-Syarbīnī. (1415H). *Op.Cit.*, hlmn. 437-439; Muḥammad Amīn Ibn ‘Abidīn. (1386H). *Ḥasyiyah Rādd al-Mukhtār ‘ala al-Dūrr al-Mukhtār Ma‘a al-Dūrr al-Mukhtār Syarh Tanwīr al-Abṣār*. Juz. 3, Cet. 2, Beirut : Dār al-Fikr, hlmn. 892.

penjaga rumah suaminya dan anak-anaknya, maka semua kamu adalah penjaga dan setiap kamu bertanggungjawab tentang jagaannya.

(e) *Tidak menghiaskan diri untuk suaminya dengan sebaiknya.*

Keindahan dan kecantikan yang dimiliki oleh isteri diciptakan untuk membuat kebahagiaan buat suami dan lantaran itu, isteri hendaklah menghias diri dengan sebaiknya untuk suaminya. Firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Nur Ayat 31, iaitu bahawa :-

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَتَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا^ط

Maksud :

Katakanlah kepada wanita yang beriman, hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya.

(f) *Membantah perintah suami yang tidak melanggar syarak*

Kewajipan utama isteri terhadap suaminya adalah memberi sepenuhnya ketaatan dalam perkara yang bukan maksiat dan tidak menimbulkan bahaya. Ketaatan isteri terhadap suami juga adalah bagi perintah yang tidak melanggar syarak. Hadith riwayat Daud dan al-Hakim, iaitu :

فَإِنِّي لَوْ كُنْتُ امْرَأًا أَحَدًا أَنْ يَسْجُدَ لِغَيْرِ اللَّهِ لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا،
وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَا تُؤَدِّي الْمَرْأَةُ حَقَّ رَبِّهَا حَتَّى تُؤَدِّيَ حَقَّ زَوْجِهَا

Maksud :

Sesungguhnya, jika sekiranya aku memerintahkan seseorang untuk sujud kepada selain Allah, maka aku akan memerintahkan seorang isteri untuk sujud kepada suaminya. Maka demi Allah yang jiwa Muhammad berada di tangan-Nya! Seorang isteri tidaklah menunaikan hak Rabb-nya sehingga dia menunaikan hak suaminya.

(g) *Berpuasa sunat tanpa kebenaran suami*

Isteri tidak boleh berpuasa sunat kecuali setelah mendapat keizinan daripada suaminya. Jika suami mengizinkan, maka hak nafkahnya tidak gugur kerana tidak disabitkan sebagai *nusyūz*, namun jika sebaliknya, iaitu tanpa izin suaminya terlebih dahulu, maka suami berhak untuk memaksa isteri membuka puasa. Menurut pendapat asah, jika isteri membuka puasa, maka isteri mendapat nafkah dan jika enggan membuka puasa selaras dengan arahan suaminya, maka tidak berhak ke atas nafkah.

Situasi yang berlaku antara isteri keluar berihram dan isteri yang berpuasa sunat adalah berbeza dari sudut kekuasaan suami terhadap isteri. Ada pendapat yang mengatakan bahawa suami wajib memberikan nafkah walaupun isteri berpuasa sunat tanpa izinnya kerana isteri berada di rumah suami dan oleh itu berada di dalam kekuasaannya.

Suami berkuasa untuk bersetubuh dengan isteri pada masa-masa yang dikehendakinya dan dalam berkaitan nafkahnya, gugurnya hak mendapat nafkah apabila menolak untuk disetubuhi. Oleh demikian, isteri diharamkan daripada berpuasa sunat tanpa keizinan suaminya kerana kemungkinan suami memerlukan dirinya dan jelas dalam perkara ini bahawa menunaikan hak suami lebih penting daripada puasa sunat.

Dalam perkara berkaitan puasa nazar mutlak (tidak tertentu), maka suami boleh melarangnya dari meneruskan puasa menurut pendapat sahih kerana nazar itu luas tempoh untuk dilaksanakannya. Namun demikian, berbeza dengan nazar yang ditentukan hari-harinya, maka terdapat beberapa keadaan; iaitu jika puasa nazar yang ditentukan harinya sebelum bernikah atau setelah mendapat izin suami, maka boleh untuk isteri berpuasa bagi menunaikan nazarnya dan keadaan kedua adalah nazar yang ditentukan tanpa keizinan suami terlebih dahulu, maka kesannya sama seperti berpuasa sunat.

2.4.1.2 Kaedah mengatasi *nusyūz* isteri

Isteri merupakan amanah Allah s.w.t yang wajib dijaga dan dipelihara dengan sebaiknya oleh suami. Dalam ikatan yang terbina antara suami dan isteri, suami adalah pemimpin kepada isteri dan berperanan dalam mendidik dan membimbing isterinya, tambahan pula bagi isteri yang *nusyūz*. Perkataan قوامون dalam ayat 34 surah al-Nisa' secara jelas menyatakan dalam konteks rumahtangga bahawa suami berkuasa dan bertanggungjawab dalam memberi didikan dan membimbing isteri mengikut tuntutan Islam yang sebenar.²⁷

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ

Maksud :

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap wanita.

Islam telah menganjurkan beberapa kaedah yang wajar digunakan oleh suami bagi menangani isteri *nusyūz* iaitu bermula dengan nasihat, diikuti dengan pemuluan tempat tidur dan langkah terakhir adalah dengan pukulan yang mengajar. Langkah-langkah ini perlu dijadikan panduan oleh para suami untuk dilaksanakan kepada isteri dalam menangani konflik rumah tangga. Suami perlu melaksanakan kaedah menangani isteri yang *nusyūz* dengan mengikut panduan yang digariskan dan penuh hikmah. Perkara ini dijelaskan di dalam firman Allah s.w.t dalam surah al-Nisa, ayat 34 dan 35 iaitu :-

وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ ۖ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاصْرَبُوهُنَّ ۚ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾ وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ ۖ وَحَكَمَا مِّنْ أَهْلِهَا

²⁷ Ibn al-Jawzī, Abū al-Farāj ‘Abd al-Raḥmān Ibn ‘Alī. (1996). *Kitāb Ahkām Al-Nisaa'*, Juz. 3. Beirut : Dār al-Fikr, hlmn. 543.

Maksud :

Dan wanita-wanita yang kamu bimbang melakukan nusyūz hendaklah kamu menasihati mereka dan pulaukanlah mereka di tempat tidur dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka taatkanmu, maka janganlah kamu mencari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar. Dan jika kamu berasa kkuatir akan terjadinya pergaduhan antara mereka berdua, maka utuslah hakim dari keluarga suami dan seorang hakim lagi dari keluarga isteri...

Oleh demikian, daripada ayat tersebut, terdapat langkah-langkah yang patut diambil oleh para suami dalam menangani dan menyelesaikan pelbagai masalah isteri yang *nusyūz*.

Pertama: Menasihati Isteri

Langkah pertama ialah memberi nasihat dengan baik bagi mengembalikan rumah tangga kepada keadaan damai. Nasihat yang baik mampu mendatangkan kesan positif. Dalam menghadapi sesuatu permasalahan, suami sewajarnya memberikan nasihat kepada isterinya dengan penuh bijaksana. Nasihat yang diberikan itu hendaklah meliputi penerangan tentang hukum dan akibat perbuatannya serta pelbagai contoh yang boleh diteladaninya di samping menjelaskan kepada isteri yang *nusyūz* mengenai ganjaran Allah s.w.t terhadap isteri yang taat.

Imam Syafi'e berpendapat kaedah menasihati bermaksud suami hendaklah menerangkan kepada isteri yang *nusyūz* supaya takutkan Allah kerana suami mempunyai hak ke atasnya dan ketaatan adalah sesuatu yang difardhukan.²⁸ Suami juga hendaklah memberikan panduan yang patut dilakukannya serta beberapa peringatan yang boleh menjadi pegangannya. Di samping itu, suami hendaklah bersedia memaafkan isteri atas kesilapan yang dilakukan dan suami hendaklah bertindak dengan

²⁸ Al-Fakr al-Rāzī. (1938). *Op.cit.*, hlmn. 90.

cara yang lembut, sopan dan berperikemanusiaan sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w :

Hadith daripada Abu Hurairah, Rasulullah s.a.w bersabda²⁹ :-

اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلْعٍ، وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الضِّلْعِ أَعْلَاهُ، فَإِنْ
ذَهَبَتْ تَقِيمُهُ كَسَرْتَهُ، وَإِنْ تَرَكْتَهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ، فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا

Maksud :

Nasihati isteri dengan cara baik, sesungguhnya mereka dijadikan dari tulang rusuk yang bengkok dan antara tulang rusuk yang paling bengkok sekali ialah tulang rusuk yang paling atas. Jika hendak diperbetulkan dengan cara kasar nescaya ia akan patah dan sekiranya dibiarkan maka akan berterusanlah ia dalam keadaan bengkok. Maka nasihatilah isterimu dengan baik.

Suami hendaklah memberi nasihat kepada isterinya dengan cara yang bijaksana dan berhemah. Dengan ini, isteri akan mudah untuk menerima nasihat yang disampaikan secara lembut selari dengan fitrah wanita itu sendiri. Pada peringkat pertama ini juga, pihak suami perlu bersikap positif dengan mengawal emosi, banyak bersabar, bijak dan berhikmah. Sekiranya cara pertama ini dilaksanakan dan isteri telah insaf dan sedar akan tindakannya, maka cara seterusnya tidak lagi perlu dilakukan oleh suami. Suami perlu bergaul dengan isteri yang telah kembali taat seolah-olah isteri tidak pernah berlaku *nusyūz* sebelum ini. Allah berfirman dalam surah al-Nisa ayat 34, iaitu :-

فَإِنْ أَطَعْتَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا

Maksud :

Sekiranya mereka kembali mentaatimu janganlah kamu mencari jalan untuk menyusahkan mereka.

²⁹ Al-Bukhārī, Kitab: *Aḥādith al-Anbiya'*, Bil: 3084; Muslim, Kitab: *al-Rida'*, Bab: *al-Wasiyyah bī al-Nisa'*, Bil: 2671; al-Tirmidhi, Kitab: *al-Ṭalāq wa al-Li'an*, Bil: 1109; Aḥmad, *Baqī Musnad al-Mukthirīn*, Bil:9419; al-Dārimī, Kitab: *al-Nikāh*, Bil:2125.

Namun, sekiranya nasihat dengan segala panduan dilaksanakan tetapi tidak mendatangkan ketaatan isteri kepada suami, maka Islam membenarkan suami untuk bertindak dengan kaedah kedua.

Kedua: Pemulauan di Tempat Tidur

Tindakan ini merupakan langkah kedua yang disarankan kepada suami untuk bertindak setelah langkah pertama menemui kegagalan. Justifikasi kaedah kedua ini terhadap isteri yang *nusyūz* ialah kebiasaannya isteri akan merasa tertekan sekiranya suami enggan tidur bersamanya dan dengan ini isteri yang *nusyūz* akan kembali taat dan tidak lagi ingkar terhadap suami. Firman Allah s.w.t dalam ayat 34 Surah Al-Nisaa', iaitu :-

وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ

Maksud :

Wanita-wanita yang kamu khawatir nusyūznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka.

Para ulama' tafsir telah berselisih pendapat dalam memberi pentafsiran bagi maksud firman Allah dalam *وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ* dalam ayat tersebut di atas.

Sesetengah ulama' berpendapat bahawa pemulauan yang dimaksudkan ialah pemulauan dari dalam percakapan iaitu suami enggan untuk bercakap dengan isteri manakala sebahagian pendapat bagi menyatakan bahawa yang dimaksudkan ialah pemulauan melalui perbuatan, iaitu tidur berasingan. Pemulauan dalam perbuatan ini juga diberi pendapat yang berbeza kerana sesetengah ulama' yang lain pula

mentafsirkan tidur bersama tetapi membelakangi isteri sementara sebahagian pendapat lain pula menyatakan tidur bersama tetapi tidak melakukan hubungan kelamin.³⁰

Oleh demikian, berdasarkan pendapat ulama' tafsir ini telah membahagikan pemuluan di tempat tidur yang dimaksudkan dalam ayat tersebut bermaksud pemuluan dari sudut percakapan dan juga pemuluan dalam perbuatan. Pemuluan dari segi perbuatan boleh dilakukan dengan cara suami tidak melakukan persetubuhan dengan isterinya atau tidur dengan cara membelakangkan isteri atau memalingkan muka dari isteri.

Pemuluan secara perbuatan tidak disarankan suami untuk tidur di dalam bilik yang berasingan tetapi masih dalam satu rumah atau tidur di rumah yang lain kerana dikhuatiri kaedah yang diambil tersebut tidak dapat menyelesaikan permasalahan isteri yang *nusyūz* bahkan boleh memberikan kesan negatif yang lebih besar dalam konflik yang dihadapi.

Tempoh suami melaksanakan langkah kedua ini ialah selama 30 hari. Perkara ini diqiyaskan kepada tindakan yang diambil oleh Rasulullah s.a.w terhadap isterinya, Safiyyah apabila Baginda memarahinya. Walau bagaimanapun, langkah kedua ini boleh dilanjutkan sehingga 4 bulan (120 hari) mengikut keadaan.

Sementara itu, pemuluan secara percakapan ialah suami tidak bertegur sapa atau bercakap dengan isteri kecuali hanya sekadar yang diperlukan sahaja. Kaedah ini adalah bagi memberi kesedaran kepada isteri yang *nusyūz* akan kesalahannya dan dapat kembali mentaati suami dengan sebaiknya. Namun demikian, tempoh pemuluan percakapan ada hadnya iaitu hendaklah tidak melebihi tiga hari dan jika melebihi tempoh tiga hari, isteri *nusyūz* telah tidak kembali taat, maka kaedah lain perlu

³⁰ Abī Bakr Aḥmad Ibn 'Alī al-Rāzī al-Ḥanafī al-Jaṣṣāṣ. (1993M/1412H). *Op. Cit.*, hlmn. 323.

digunakan. Perkara ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi iaitu:

لَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ

Maksud :

Tidak halal bagi seseorang Muslim tidak bertegur sesama saudara seagama melebihi tiga hari.

Namun, dalam melaksanakan tindakan ini, suami tidak boleh sekali-kali meninggalkan rumah dan tidak boleh melampau di dalam tindakannya. Apabila isterinya telah kembali taat, suami hendaklah menghentikan semua tindakan dan suami tidak boleh sama sekali mencari jalan untuk menyusahkan isterinya atau bertujuan membalas dendam terhadapnya.

Ketiga: *Memukul Tanpa Menyakiti*

Jika cara yang pertama dan kedua tidak memberi perubahan kepada isteri, maka suami boleh memukulnya dengan tujuan mengajar dan bukan mencederakan atau membalas dendam. Tujuannya bagi memeranjatkan isteri atas tindakan keterlaluannya terhadap suami. Pukulan hendaklah berlandaskan niat untuk mendidik dan harus dilakukan oleh suami sekiranya difikirkan cara ini memberi kesan dan jika sebaliknya, maka tidaklah harus dilakukan.

Tujuan memukulnya juga adalah untuk menimbulkan kesedaran isteri terhadap sikap buruknya serta mengembalikannya ke pangkal jalan. Sabda Rasulullah s.a.w :

فَإِنْ فَعَلْنَ فَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاصْرُبُوهُنَّ ضَرْبًا غَيْرَ مُبْرَحٍ

Maksud :

Jika mereka melaksanakannya (iaitu perbuatan yang jelas keburukannya seperti derhaka, bergaul dengan cara yang tidak baik dan tidak menjaga kehormatan diri), maka biarkanlah mereka sendirian di tempat tidur dan pukullah mereka dengan pukulan yang tidak mencederakan.

Sabda Rasulullah s.a.w lagi di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud, iaitu :

لَا يُسْأَلُ الرَّجُلُ فِيمَا ضَرَبَ امْرَأَتَهُ

Maksud :

Seseorang lelaki (suami) tidak akan dipersoalkan tindakannya memukul isterinya (nusyūz).

Syarat suami memukul untuk mendidik isteri yang *nusyūz* adalah seperti berikut :-

- (i) Pukulan yang tidak berbentuk memaksa atau menguasai serta tidak keterlaluan sehingga boleh mencederakan isteri atau meninggalkan kesan.³¹
- (ii) Tidak memukul di bahagian-bahagian anggota yang sensitif seperti muka dan perut atau menggunakan alat yang berbahaya. Gunakan hujung tuala yang disimpulkan boleh digunakan.

وَلَا تَضْرِبُ الْوَجْهَ وَلَا تُفَبِّحْ وَلَا تَهْجُرْ إِلَّا فِي الْبَيْتِ

Maksud :

Janganlah engkau memukul muka, jangan mencela dan jangan menjauhi kecuali masih dalam ruang lingkup rumah.

³¹ Al-Ṭābarī, Ibn Muhammad. (1985). *Ahkām al-Qur'an*, Jil. 2, Beirut : Dār Al-Kitāb, hlmn. 453.

- (iii) Kadar pukulan adalah tidak melebihi 10 pukulan. Sabda Rasulullah s.a.w :

لَا يُجْلَدُ أَحَدٌ فَوْقَ عَشْرَةِ أَسْوَاطٍ إِلَّا فِي حَدٍّ مِنْ حُدُودِ اللَّهِ

Maksud :

Janganlah sekali-kali kamu memukul (pesalah termasuklah isteri nusyūz) melebihi sepuluh pukulan melainkan ketika kamu melaksanakan hukuman berkaitan dengan kes-kes hudud.

- (iv) Tidak memukul di hadapan orang kerana boleh menjatuhkan harga diri isteri, sehingga mungkin juga menyebabkan isteri tetap menderhaka dan tidak mahu menghentikan sikap derhakanya itu.

Di samping itu, suami juga hendaklah bertindak dalam keadaan yang waras tanpa mengikut perasaan marah atau membalas dendam. Islam melarang keras seorang suami memukul isterinya yang tidak melakukan kesalahan atau *nusyūz*.

Keempat: Melantik Orang Perantaraan

Setelah suami melakukan ketiga-tiga langkah terdahulu, tetapi gagal membawa sebarang perubahan yang positif sedangkan suami masih mengharapkan usaha memulihkan hubungan dengan isteri, maka suami boleh melantik orang tengah atau orang perantaraan. Syor ini berdasarkan firman Allah s.w.t dalam Surah al-Nisa' ayat 35, iaitu :

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِمْ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا ﴿٣٥﴾

Maksud :

...dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuanNya.

Ayat di atas menerangkan cara menangani isteri yang menampilkan tingkah laku buruk, iaitu dengan menasihati, mengasingkan diri daripada tidur bersama dan memukul. Saad Ibn Jubair menyatakan bahawa hendaklah suami menasihati isterinya yang *nusyūz*, sekiranya dia ingkar maka pulaulah isteri di tempat tidur. Namun sekiranya pemulauan di tempat tidur tidak mampu mengubah isterinya, maka pukullah dia. Sekiranya dengan memukul juga tidak mendapat penyelesaian, maka lantiklah seorang pendamai atau Hakam yang mewakili pihak suami dan seorang lagi bagi pihak isteri.³²

Kesimpulannya, Islam telah menggariskan cara pendidikan terhadap isteri yang mesti dilaksanakan secara tertib. Selain itu, diwajibkan bagi suami untuk tidak melanggar ketentuan Ilahi dan berlaku zalim terhadap isteri.

2.4.1.3 Tanggungjawab isteri terhadap suami

Tanggungjawab isteri terhadap suami juga bermaksud hak seorang suami ke atas isterinya. Tanggungjawab isteri tidak seharusnya diabaikan oleh seseorang isteri apabila berlangsungnya akad perkahwinan di antara mereka.

³² Ibn al-‘Arabī, Muḥammad Ibn ‘Abd Allah. (1957M/1317H). *Op. Cit.*, hlmn. 178.

Seseorang isteri wajib untuk memberikan sepenuh ketaatannya serta layanan baik kepada suaminya. Ketaatan ini bukan hanya dengan mematuhi kehendak suami sahaja, tetapi juga turut meliputi segala suruhan dan larangannya yang selaras kehendak syarak. Kepatuhan tersebut merupakan sebahagian dari ketaatan yang diperlukan. Selain daripada ketaatan, kepatuhan juga meliputi sifat menghormati, melayani dengan baik serta mewujudkan suasana hidup berumahtangga yang tenang.

Allah s.w.t berjanji akan memberi ganjaran yang sangat tinggi kepada isteri yang memenuhi tanggungjawabnya dengan baik sebagaimana yang dijelaskan di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Al-Tirmizi dari Abi Hurairah, iaitu bahawa :

أَيُّمَا امْرَأَةٍ مَاتَتْ وَرَوْجُهَا عَنْهَا رَاضٍ دَخَلَتْ الْجَنَّةَ

Maksud :

Mana-mana perempuan yang meninggal dunia dalam keadaan mendapat keredhaan suaminya, maka dia pasti akan masuk syurga.

Seorang ibu bernama Asma' binti Hurairah al-Ghazali telah menasihati anak perempuannya pada hari perkahwinannya :

“Kini engkau telah keluar daripada sangkar yang engkau diberkas di dalamnya, berpindah ke tempat tinggal yang engkau belum biasa dengannya dan kepada seorang teman yang belum engkau mengenalinya, maka, umpamakanlah dirimu itu sebagai sekeping tanah, nescaya temanmu itu akan menjadi langitnya. Jika engkau menjadi lantai, nescaya dia menjadi tiangnya, jika engkau menganggap dirimu sebagai jariah tentulah dia menganggap dirinya sebagai hamba sahaya. Jangan membebaninya agar dia tidak meninggalkan kamu. Jangan menjauhinya agar dia tidak melupaimu. Jika dia mendekatimu selangkah, maka datanglah kepadanya dengan dua langkah. Jika dia menjauhimu, maka jauhilah dia dengan baik. Jagalah hidungnya, telinganya dan juga matanya sehingga dia tidak

mencium sesuatu melainkan yang baik, tidak mendengar sesuatu melainkan yang sedap didengar dan tidak melihat sesuatu melainkan yang indah.”³³

Isteri juga tidak harus untuk membenarkan orang memasuki rumahnya tanpa izin. Perkara ini bagi mengawal hubungan mesra dan kelangsungannya dan untuk mengelak dari timbul pelbagai sangkaan buruk suami terhadap isterinya, maka Islam melarang seseorang isteri membenarkan orang yang tidak disukai oleh suaminya memasuki rumahnya. Hak ini adalah mutlak kecuali jika si suami telah mengizinkannya. Rasulullah s.a.w telah menjelaskan perkara ini dengan sabda Baginda³⁴ :

لَا يَحِلُّ لِلْمَرْأَةِ أَنْ تَصُومَ وَرَوْجَهَا شَاهِدٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ ، وَلَا تَأْذَنَ فِي بَيْتِهِ إِلَّا بِإِذْنِهِ .

رواه البخاري (4899) ومسلم (1026)

Maksud :

Seorang isteri tidak harus berpuasa (iaitu bukan puasa bulan Ramadhan) ketika kehadiran suaminya kecuali dengan keizinannya dan juga tidak harus membenarkan sesiapa memasuki rumahnya kecuali dengan keizinannya.

Di dalam hadith lain, Rasulullah s.a.w menyebut hak ini dengan maksud yang sama, iaitu³⁵ :

حَقُّ الزَّوْجِ عَلَى الْمَرْأَةِ أَنْ لَا تَهْجُرَ فِرَاشَهُ، وَأَنْ تُبْرِئَ قَسَمَهُ، وَأَنْ تُطِيعَ أَمْرَهُ، وَأَنْ لَا تَخْرُجَ إِلَّا بِإِذْنِهِ، وَأَنْ لَا تُدْخِلَ إِلَيْهِ مَنْ يَكْرَهُ

Maksud :

Hak suami ke atas isteri adalah tidak mengelakkan daripada disetubuhi, menunaikan janji, mentaati perintah suami, tidak keluar daripada rumah tanpa izin dan tidak membenarkan masuk orang yang tidak disukai suami.

³³ Md. Hashim bin Hj. Yahaya. (1988). *Kebahagiaan Rumahtangga Muslim*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn. 75.

³⁴ Riwayat al-Bukhārī, 9:484; Abū Dāūd, 7:128; al-Dārimī, 1:344 dan Aḥmad, 2:316.

³⁵ Riwayat al-Ṭabrānī.

2.4.2 *Nusyūz* Pihak Suami

Nusyūz tidak hanya berlaku pada isteri malah suami juga boleh disabitkan sebagai *nusyūz* iaitu apabila berlakunya pengabaian tanggungjawab yang diamanahkan. Walaupun kajian ini hanya memfokuskan *nusyūz* di pihak isteri, namun berkenaan suami *nusyūz* juga akan diuraikan.

2.4.2.1 Tanda-tanda suami *nusyūz*

Keadaan yang menunjukkan *nusyūz* suami adalah seperti berikut :-

(i) ***Nusyūz* suami melalui percakapan;**

- (a) *Tidak mengendahkan isterinya tanpa alasan yang munasabah seperti tidak mahu bercakap dengan isteri atau bercakap kasar.*
- (b) *Mengesyaki isterinya tanpa sebarang sebab yang munasabah.*
- (c) *Mengarahkan isterinya melakukan perbuatan bertentangan dengan kehendak syarak.*

(ii) ***Nusyūz* suami melalui perbuatan;**

- (a) *Langsung tidak melakukan hubungan kelamin dengan isterinya tanpa sebab yang dibenarkan oleh syarak.*
- (b) *Bertindak kejam dan keras terhadap isteri seperti memukul.*
- (c) *Tidak menyediakan nafkah yang sewajarnya kepada isteri.*
- (d) *Mengabaikan penyediaan tempat tinggal dan perlindungan.*
- (e) *Tidak memelihara kehormatan isteri.*
- (f) *Berpoligami tetapi tidak berlaku adil terhadap isteri-isterinya.*

2.4.2.2 Kaedah mengatasi *nusyūz* suami

Dalam menghadapi konflik rumah tangga yang berpunca daripada sikap buruk suami, isteri hendaklah bertindak bagi mengatasi *nusyūz* suami iaitu dengan menasihati dan diikuti dengan pemulauan dan perdamaian serta langkah terakhir adalah pengaduan kepada mahkamah. Walau bagaimanapun, isteri tidak boleh menggunakan kaedah memukul seperti yang dibenarkan kepada suami bagi mengatasi isteri *nusyūz*.

Pertama : Menasihati

Suami isteri mempunyai hak yang sama antara satu sama lain dalam melaksanakan tugas mengajak ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Isteri perlu menasihati suami yang *nusyūz* dengan memujuk suaminya dengan baik di samping mengingatkan suami tentang tugas dan peranan yang diamanahkan iaitu sebagai pelindung diri isteri dan juga anak-anak.

Isteri hendaklah memberi peluang kepada dirinya dan juga suami untuk meneruskan kehidupan sebagai sepasang suami isteri di samping meningkatkan potensi diri bagi menarik minat dan kesedaran suami supaya memberi perhatian terhadap rumah tangga. Isteri juga berhak untuk nenasihati suami tentang kelebihan bagi suami yang bertanggungjawab dan mengingatkan mereka tentang azab yang bakal diterima kerana pengabaian tanggungjawab dan tidak melaksanakan amanah terhadap isteri dan rumahtangga dengan baik.³⁶

Kedua : Pemulauan

Walaupun isteri berhak untuk memulau suaminya yang *nusyūz*, namun hanya terhad dari segi percakapan dan bukannya pada perbuatan. Pemulauan dalam percakapan bermaksud isteri tidak bercakap dengan percakapan mesra berbanding

³⁶ Muṣṭafā Sa‘id Khinn. (2009). *Al-Fiqh al-Manhaji `ala Mazhab al-Imām al-Shāfi‘ie*, Juz. 2, Damsyik : Dār al-Qalam, hlmn. 667.

sebelum ini atau isteri berdiam diri dalam tempoh tidak lebih tiga hari dengan tujuan untuk menyedarkan suami yang *nusyūz* dan tidak melaksanakan tanggungjawab.

Namun, pemuluan dari segi perbuatan dengan menolak ajakan suami untuk berhubungan kelamin tidak dibenarkan oleh Islam. Sekiranya pemuluan dari segi perbuatan dibenarkan, maka adalah bertentangan dengan nas-nas al-Quran dan hadith berkenaan tanggungjawab isteri untuk bersama dengan suami ketika diperlukan. Antara hadith tersebut adalah seperti :

وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((إِذَا
دَعَا الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ إِلَى فِرَاشِهِ فَلَمْ تَأْتِهِ فَبَاتَ غَضْبَانَ عَلَيْهَا لَعَنَّهَا الْمَلَائِكَةُ حَتَّى
تُصْبِحَ)) متفق عليه

Maksud :

Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a. ia berkata, “Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “Apabila seorang suami mengajak isterinya untuk tidur bersama, kemudian isteri tidak mahu memenuhi ajakan suaminya, lantas suaminya marah terhadap isterinya, maka malaikat melaknat isterinya hingga datangnya pagi”. (Muttafaq’ alaih hadith riwayat Bukhari dan Muslim)

Ketiga: Perdamaian

Sekiranya nasihat dan pemuluan tidak dapat menginsafkan, maka kaedah seterusnya adalah melalui perdamaian. Perdamaian yang dimaksudkan ialah isteri mengurangkan hak yang perlu ditunaikan oleh suami seperti mengurangkan kadar mahar tertanggung, nafkah atau hak giliran berpoligami. Tujuannya adalah bagi mewujudkan ketenangan rumahtangga semula di samping sebagai jalan penyelesaian *nusyūz* suami.

Contohnya ialah apabila suami *nusyūz* disebabkan umur isteri yang telah lanjut ataupun sedang sakit, maka isteri bertindak mengurangkan nafkah, hak kesamarataan

dalam perkahwinan poligami dan sebagaimana dapat mengembalikan suami yang bertanggungjawab terhadap isteri dan rumah tangga. Tindakan ini adalah dibenarkan kerana dapat mengembalikan rumah tangga yang penuh kasih sayang dan harmoni.³⁷

Sandarannya adalah berdasarkan firman Allah s.w.t dalam Surah al-Nisa' ayat 128 :

وَإِنْ أَمْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُحْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٢٨﴾

Maksud :

...dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya nusyūz (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara Yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi Yang ada pada manusia. dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka Sesungguhnya Allah Maha mendalam pengetahuannya akan apa Yang kamu lakukan.

Diriwayatkan dari Ibn Abbas, Rasulullah bersabda bahawa Saudah bimbang akan diceraikan oleh Rasulullah s.a.w dan berkata : Ya Rasulullah, jangan ceraikan saya dan tahanlah saya serta berikan hartaku kepada Aisyah. Baginda melakukannya dan setelah itu, turunlah ayat di atas.

Allah s.w.t berfirman iaitu :-

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَأَبْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا

³⁷ Al-Nawawi.1996

Maksud :

Jika seseorang wanita khawatir nusyūz atau sikap acuh tidak acuh suaminya, maka tidak mengapa bagi keduanya mengadakan perdamaian.

Keempat : Pengaduan kepada pihak mahkamah

Setelah langkah pertama hingga ketiga telah dilaksanakan dan tiada sebarang perubahan suami yang *nusyūz*, maka isteri hendaklah mengadu kepada pihak yang dapat menyelesaikan permasalahan tersebut termasuklah ahli keluarga atau terus bertemu pihak Qadi (Mahkamah). Isteri hendaklah mengadu kepada pihak yang dapat menyelesaikan permasalahan mereka seperti ahli keluarga. Sekiranya keadaan tidak berubah, maka isteri boleh adukan kepada pihak Qadi (Mahkamah) agar dapat mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyelesaikan ini.³⁸

Isteri tidak seharusnya hanya berdiam diri tanpa sebarang tindakan sekiranya suami tetap berlaku *nusyūz* setelah langkah penyelesaian telah dilaksanakan. Oleh demikian, isteri hendaklah membuat aduan perkara tersebut kepada mahkamah dan tindakan seterusnya akan diambil oleh mahkamah dalam menyelesaikan *nusyūz* suami.³⁹

Jelasnya bahawa dalam keadaan tertentu isteri perlu mendapatkan bantuan dan nasihat daripada pihak tertentu seperti keluarga, sahabat atau orang tengah yang dilantik untuk membaiki keadaan rumahtangga yang kian meruncing. Kemuncak daripada krisis rumahtangga, mungkin isteri perlu mengambil sesuatu tindakan seperti merujuk ke pejabat-pejabat agama. Bagaimanapun, semasa krisis isteri tidak harus sekali-kali keluar rumah meninggalkan suaminya melainkan jika dia memerlukan perlindungan sahaja, iaitu ketika dia dipukul atau didera oleh suami.

³⁸ Muḥammad ‘Uqlah. (1983M/1403H). *Niẓām al-Uṣrah fī al-Islām*, Juz. 3, ‘Amman : Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthah, hlmn. 204.

³⁹ Muḥammad Uqlah. (1983M/1403H). *Ibid.*, hlmn. 204.

2.4.2.3 Tanggungjawab suami terhadap isteri

Seseorang lelaki adalah pemimpin menurut pandangan Islam dan setiap pemimpin mesti bertanggungjawab terhadap orang yang di bawah jagaannya dengan sebaiknya dan memimpin tanpa kekasaran dan kekerasan. Oleh demikian, suami tidak boleh mengabaikan tanggungjawab dan peranannya terhadap isteri. Di samping menyediakan kediaman yang menjadi tempat tinggal isteri, makan dan minum, pakaian dan perubatan serta keperluan-keperluan lain yang wajar bagi kehidupan mereka berdua dan anak-anak, suami juga diwajibkan bergaul dengan baik dengan isterinya.

Isteri yang taat dan patuh, mengadakan satu suasana rumah tangga yang selesa dan mengasuh serta mendidik anak-anak dilaksanakan oleh isteri bagi memberi kerehatan jiwa dan kebahagiaan hidup kepada suaminya, maka seharusnya sebaliknya juga bagi suami. Menurut pandangan syarak, suami wajib untuk melayan isteri dengan penuh kasih sayang dan memberi bimbingan di samping menunjukkan akhlak yang baik.⁴⁰

Menurut Al-Ghazali, melayan isteri dengan penuh kasih sayang serta dengan akhlak yang baik meliputi sikap bersimpati dengan kesulitan yang dihadapi oleh isteri, bersabar dengan kedegilan dan kemarahan isteri, selalu bergurau serta menyesuaikan tahap pemikirannya dengan cara isteri berfikir.⁴¹ Hal ini kerana, dengan bertindak secara kasar dan ganas tidak akan memberikan kesan yang positif dan perkara ini adalah selaras dengan kehendak Islam yang mewajibkan seseorang suami untuk bergaul dengan isteri dengan sebaiknya, iaitu firman Allah S.W.T dalam surah al-Nisa' ayat 19:

وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ^ج

Maksud :

Dan bergaullah dengan mereka menerusi cara yang baik.

⁴⁰ Md. Saad Abd. Rahman. (2006). *Undang-Undang Keluarga Islam : Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Petaling Jaya : Intel Multimedia and Publication. hlmn 104.

⁴¹ Dr. Muṣṭafā 'Abd al-Wāḥid. (1972). *Al-Zawāj fī al-Islām*. Kaherah : Dār al-I'tisām, hlmn. 62.

Di samping diwajibkan memberikan layanan yang baik, suami juga diwajibkan agar tidak membuat sebarang sangkaan buruk terhadap kejujuran isteri. Justeru, Islam mengharamkan ke atas suami bertindak sesuatu sehingga mengejutkan isterinya sehingga boleh mengubah perasaan isteri serta menghilangkan keyakinan isteri terhadap suami. Hadith Rasulullah s.a.w ada menyatakan berkenaan larangan seseorang suami mengejutkan ahli rumahnya pada waktu tengah malam disebabkan kluatir tentang kejujuran mereka atau bagi mencari keburukan mereka.⁴²

Dalam soal pergaulan ini, Maḥmūd al-Sabbagh dalam karangannya, *al-Sa'adah al-Zaujiyyah Fī al-Islām* menghuraikan pendekatan oleh seseorang suami dalam melayani isterinya dengan baik, adil dan berdiplomasi. Antaranya beliau menyebut bahawa⁴³ :

- (i) Suami hendaklah mengimbangkan antara kasih sayang kepada isterinya dengan kasih sayang kepada keluarganya. Janganlah memberi keutamaannya kepada salah satunya dengan mengeneipkan yang lain. Berilah kepada mereka hak masing-masing dengan baik, adil dan saksama.
- (ii) Janganlah menyebut apa-apa sahaja kebaikan perempuan lain di hadapan si isteri sekalipun perempuan itu adalah ibu kepada suami itu sendiri atau ibu saudaranya atau perempuan-perempuan lain yang besar kemungkinan akan menyinggung perasaannya.
- (iii) Di dalam setiap ruang dan sudut kehidupan, si suami hendaklah membentuk dirinya menjadi model syakhsiyah yang disayangi oleh isterinya sama seperti yang diharapkan daripada isterinya.

⁴² Dr. Muṣṭafa 'Abd al-Wāḥīd. (1972). *Op. Cit.*, hlmn. 64.

⁴³ Maḥmūd al-Sabbagh. (1985). *Al-Sa'adah al-Zaujiyyah Fī al-Islām*, Kaherah : Dar al-I'tisam, hlm. 106-108, 113.

- (iv) Seseorang suami hendaklah membimbing isterinya agar sama-sama memandang hidup ini menerusi kaca mata Islam yang satu tanpa melupakan status dirinya sebagai pemimpin kepada keluarga.

Di samping itu, suami juga bertanggungjawab untuk menyediakan nafkah meliputi zahir dan batin. Kegagalan suami menyediakan nafkah yang sempurna dan melayani isteri dengan penuh kasih sayang dan baik boleh memberi ruang kepada si isteri membuat pengaduan kepada pihak mahkamah dan menuntut perceraian. Isteri juga mempunyai hak mempertahankan maruah serta kemuliaan dirinya dari dianyai oleh suami⁴⁴ seperti dalam Surah al-Talaq, ayat 7 melalui firman Allah s.w.t :-

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۗ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ
اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَاءً آتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

Maksud :

Hendaklah orang ang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa ang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya; Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadaNya. Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.

Antara perkara yang menjadi hak seorang isteri dan di dalam tanggungjawab suami juga ialah mendapat bimbingan ke arah penghayatan hukum-hukum agama dan memberi tunjuk ajar ke arah kebaikan di samping mendapat rahmat dan redha-Nya. Justeru, jika suami diwajibkan menjaga keselamatan diri isteri, kesihatan tubuh badan dan layanan baik terhadap isteri, maka suami juga diwajibkan menjaga kesempurnaan

⁴⁴ Al-Jamāl, Ibrāhīm Muḥammad. (1988). Terj. Mat Sa'ad Abd. Raḥmān. *Fiqh Wanita*. Shah Alam : Penerbitan Hizbi, hlmn. 58, 59.

agama, akhlak serta kebaikan sikap isteri. Oleh demikian, suami dapat menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemimpin rumah tangga yang berkualiti serta beramanah.

Suami bertanggungjawab mengemudi bahtera rumahtangga dan oleh itu, suami diumpamakan sebagai kepala gerabak kereta api, maka jika sesat kepala kereta api itu sesatlah seluruh penumpangnya. Allah s.w.t menegaskan kedudukan lelaki dalam keluarga dengan firman-Nya dalam surah al-Nisa' ayat 34, iaitu :

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ

Maksud :

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan.

Dalam ayat lain pula, Allah s.w.t menegaskan bahawa suami berkewajipan untuk menyelamatkan ahli keluarga daripada seksaan api neraka, firman-Nya dalam surah al-Tahrim ayat 6, iaitu :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Maksud :

Wahai orang-orang Yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka Yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala).

Qatadah dalam menjelaskan berkenaan ayat ini menyatakan suruhan supaya taat perintah kepada Allah serta tegahan dari melakukan maksiat kepada Allah serta membantu keluarga dan orang yang dipimpin mentaati Allah s.w.t. Ayat ini menyuruh

ketua keluarga menyelamatkan dirinya dahulu sebelum menyelamatkan orang lain. Selamatkan diri dengan mentaati perintah Allah dan meninggalkan maksiat dan bersegera bertaubat dari segala kesalahan yang menjadi kemurkaan Allah s.w.t..

2.5 Implikasi Pensabitan Isteri *Nusyūz*

Pensabitan *nusyūz* oleh mahkamah ke atas seseorang isteri tentunya akan menimbulkan implikasi dari sudut spiritual dan emosi isteri tersebut. Namun, mereka masih mempunyai hak yang tidak boleh dinafikan hanya dengan pensabitan oleh mahkamah. Implikasi terhadap pensabitan isteri *nusyūz* boleh diskopkan sama ada ketika masih dalam perkahwinan atau selepas berlakunya perceraian. Antara kesan pensabitan isteri sebagai *nusyūz* ketika masih dalam tempoh perkahwinan ialah terhadap hak nafkah diri manakala persoalan implikasi hak isteri selepas perceraian pula dalam perkara nafkah 'iddah, hadhanah, harta sepencarian dan mut'ah.

2.5.1 Implikasi terhadap Nafkah Diri

Dari segi bahasa 'nafkah' memberi maksud mengeluarkan dan membelanjakan. Dari segi istilah pula memberi maksud apa-apa yang diperlukan oleh isteri seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, perkhidmatan, perubatan dan seumpamanya.⁴⁵ Asasnya, nafkah diwajibkan ke atas bahu suami dan kadar nafkah yang ditetapkan adalah mengikut keperluan yang munasabah serta kemampuan orang yang berkewajipan mengikut kelaziman atau adat sesuatu tempat. Namun begitu, isteri yang *nusyūz* akan hilang haknya untuk mendapatkan nafkah dari suaminya menurut hukum syarak.

Suami wajib untuk memberi nafkah kepada isterinya yang taat dan termasuklah perbelanjaan makan minum pada setiap hari mengikut adat berumah tangga, pakaian

⁴⁵ Sayyed Sābiq. (1973). *Fiqh al-Sunnah*. Cet. 2, Beirut : Dār Al-Kitāb Al-'Arabī, hlmn. 169; Al-Ḥusainī, Imām Taqiuddīn Abū Bakr bin Muḥammad. (2009). *Op. Cit.*, hlmn. 90.

yang munasabah, alat solek dan perhiasan yang munasabah, pembantu rumah jika isteri biasa dilayan oleh pembantu sebelum bersuami serta tempat tinggal yang selesa. Isteri yang taat juga berhak mendapat nafkah batin dari suami iaitu layanan mesra dan sempurna termasuk hubungan kelamin.

Nafkah diwajibkan ke atas suami untuk isteri dengan sebab aqad perkahwinan yang sah dan isteri patuh serta taat kepada suami, walaupun belum berpindah ke rumah yang disediakan oleh suami. Nafkah adalah sebagai balasan kepada ketaatan isteri dan juga sebagai balasan kepada hak suami menghalang isteri untuk keluar mencari nafkah.⁴⁶

Jumhur fuqaha' menetapkan bahawa kewajipan nafkah isteri tidak hanya disebabkan akad perkahwinan yang sah semata-mata tetapi juga disyaratkan adanya keterikatan dan penyerahan diri isteri terhadap suaminya dengan sentiasa mentaati suami.⁴⁷ Keterikatan dan penyerahan diri isteri membolehkan tercapai matlamat perkahwinan serta isteri dapat memenuhi hak suami ke atas dirinya secara berterusan. Isteri wajib mentaati suami serta menunaikan tanggungjawabnya di dalam rumahtangga dengan melayan dan memenuhi keinginan suami, mengasuh dan mendidik anak-anak. Nafkah yang diwajibkan ke atas suami merupakan balasan ke atas ketaatan isteri dan pengorbanan yang dilakukannya untuk manfaat suami.

Di samping itu, disyaratkan juga isteri tidak ingkar kepada suaminya kecuali dalam perkara yang boleh menyebabkan kemudaratan ke atas dirinya. Sekiranya isteri ingkar, iaitu *nusyūz* terhadap suaminya tanpa alasan atau mengikut hukum syarak, isteri boleh hilang haknya untuk mendapatkan nafkah daripada suaminya. Mahkamah boleh

⁴⁶ Muḥammad Jawād Mughniyah. (1995). *Op. Cit*, hlmn 187.

⁴⁷ Abū Bakr bin Mas'ud Al-Kāsānī. (1982). *Bada'ī al-Ṣana'ī fī Tartīb al-Syara'ī*, Juz. 4. Cet. 2, Beirut : Dār al-Kitāb al-'Arabī, hlmn. 18-19; Mālik Ibn Anas. (t.t) *Al-Mudawwanah al-Kubrā*, Juz. 2, Beirut : Dār al-Ṣadīr, hlmn. 254; 'Abd al-Fattāḥ Muḥammad Abū al-'Aynayn. (t.t). *Al-Islām wa al-Ushrah*. Kaherah : Maktabah al-'Alamiyyah, hlmn. 409.

menolak permohonan daripada isteri terhadap suami sekiranya dapat dibuktikan yang pihak isteri telah melakukan *nusyūz*.

Setiap suami wajib untuk memberikan belanja kepada isteri yang taat. Isteri yang taat yang dimaksudkan ialah isteri yang sudah menyerahkan dirinya dan ketidaktaatan juga boleh terjadi dengan beberapa sebab dan termasuklah berkelakuan *nusyūz*. Oleh demikian, isteri yang *nusyūz* tidak wajib diberikan nafkah oleh suami. Terdapat dua pandangan berkaitan isteri yang hanya *nusyūz* untuk seketika, iaitu pendapat pertama mengatakan bahawa isteri tidak berhak langsung terhadap nafkah manakala pendapat kedua pula mengatakan bahawa isteri wajib diberikan belanjanya pada masa dia taat dan tidak *nusyūz* itu.⁴⁸

Menurut Imam Rafi'e, pendapat yang pertama lebih tepat dan seterusnya dipersetujui oleh Imam Nawawi. Dalam perbincangan tentang bab nikah, Imam Nawawi menguatkan pendapatnya tentang tidak wajib memberikan nafkah kepada isteri yang *nusyūz* dengan menyatakan bahawa pendapatnya yang sah bagi perempuan merdeka yang *nusyūz* ialah tidak wajib untuk mendapat nafkah.⁴⁹ Selain itu, perbincangan adalah menyentuh berkenaan situasi apabila di isteri masih kecil sedangkan suami sudah besar atau juga masih kecil, maka tidak wajib untuk memberi nafkah kepada isteri menurut qaul yang azhar. Sebaliknya, sekiranya isteri sudah besar dan suami masih kecil, maka wajib untuk memberi mafkah menurut qaul azhar kerana keuzurannya bukan dari isteri.⁵⁰

Selain itu, tersenarai keadaan yang tidak wajib kepada suami untuk memberikan nafkah kepada isteri, iaitu :

⁴⁸ Al-Ḥusainī, Imām Taqiuddīn Abū Bakr bin Muḥammad. (2009). *Op. Cit.*, hlmn. 302.

⁴⁹ Al-Ḥusainī, Imām Taqiuddīn Abū Bakr bin Muḥammad. (2009). *Ibid.*, hlmn. 302.

⁵⁰ Al-Ḥusainī, Imām Taqiuddīn Abū Bakr bin Muḥammad. (2009). *Ibid.*, hlmn. 303.

- (i) Isteri yang tidak taat kepada suami, termasuk enggan melakukan persetubuhan dengan suami tanpa sebarang keuzuran, bahkan menghalang suami daripada bermesra dengannya atau isteri menutup mukanya daripada suami atau berpaling belakang kepada suami.
- (ii) Suami isteri yang tinggal di rumah kepunyaan isteri dengan kebenaran isteri, kemudian isteri menghalang suami memasuki rumahnya dan tidak pula menuntut supaya suami menyediakan rumah lain untuknya.
- (iii) Perceraian dengan sebab isteri melakukan maksiat kepada Allah s.w.t seperti murtad atau melakukan persetubuhan atau bercumbuan dengan anak tiri atau bapa mentua.

Sementara itu, menurut mazhab Syafi'e, isteri yang *nusyūz* tidak berhak ke atas nafkah dan dimaksudkan dengan *nusyūz* ialah apabila enggan bersetubuh atau menolak untuk berseronok dengan sentuhan dan ciuman tanpa keuzuran⁵¹ di samping meninggalkan rumah tanpa kebenaran suami atau sebab yang dibenarkan oleh syarak.⁵² Dengan ini juga suami hilang hak untuk menahan isterinya di bawah kuasanya.

Isteri yang telah disabitkan *nusyūz* akan mendapat hak nafkahnya semula apabila telah taat semula kepada suami. Perkara ini adalah berlandaskan pandangan ahli Fiqh iaitu sekiranya isteri yang *nusyūz* kembali mentaati suami, hak nafkahnya adalah dikembalikan semula dari tarikh isteri balik ke rumah suami. Sekiranya isteri mentaati suaminya semula, hak nafkah akan kembali menjadi tanggungan suami dan isteri tidak berhak menuntut kembali nafkah dalam tempoh *nusyūz*nya yang sebelum itu.⁵³

⁵¹ Muḥammad Al-Syarbīnī. *Ibid.*, Juz. 3, hlmn. 436.

⁵² Muḥammad Al-Syarbīnī. *Ibid.*, Juz. 3, hlmn. 437.

⁵³ Muḥammad Abū Zahrah. (1957). *Al-Aḥwal al-Syakhsīyah*. Mesir : Dār Al-Fikr Al-‘Arabī. hlmn. 277.

2.5.2 Implikasi terhadap Nafkah 'Iddah

Perceraian boleh dibahagikan kepada beberapa kategori, iaitu talaq raj'ie, talaq bain dan juga perceraian kerana kematian. Jika perceraian berlaku dalam kategori talaq raj'ie, ulama fiqh bersepakat bahawa suami wajib menyediakan nafkah yang berupa makanan, pakaian dan tempat tinggal selama dalam tempoh 'iddah. Dalam tempoh tersebut, isteri tidak harus meninggalkan tempat tinggal biasa yang disediakan oleh suami, malah suami dilarang menghalau atau mengeluarkan isteri dari rumah tersebut kecuali dalam keadaan isteri didapati melakukan tindakan *nusyūz*. Allah s.w.t berfirman dalam Surah al-Talaq, ayat 1 :

لَا تُخْرِجُوهُنَّ مِنْ بُيُوتِهِنَّ وَلَا تَخْرُجْنَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُبَيِّنَةٍ

Maksud :

Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya (sehingga selesai idahnya), dan janganlah pula (dibenarkan) mereka keluar (dari situ), kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata.

Sementara dalam kategori isteri yang diceraikan menerusi talak bain akan mendapat nafkah dan tempat tinggal sekiranya dia hamil dan jika dia tidak hamil, maka tidak berhak terhadap nafkah dan tempat tinggal. Surah al-Talaq ayat 6 menghendaki suami untuk menyediakan tempat tinggal yang berpatutan dan dilarang cuba memudaratkan isteri serta menyediakan nafkah jika hamil sehingga melahirkan anak, iaitu :

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُّوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كُنَّ أُولَاتٍ حَمْلٍ فَأَنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّىٰ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ

Maksud :

Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani ‘iddahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) Dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak.

Isteri yang diceraikan berhak untuk mendapat nafkah ‘iddah juga dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w melalui sabda Baginda dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Nasai, iaitu :

إِنَّمَا النَّفَقَةُ وَالسُّكْنَى لِلْمَرْأَةِ إِذَا كَانَ لِرَوْجِهَا عَلَيْهَا الرَّجْعَةُ

Maksud :

Sesungguhnya hanya nafkah tempat tinggal diberikan kepada perempuan sekira suaminya berhak untuk rujuk.

Oleh demikian, suami wajib menyediakan tempat tinggal pada semua kategori perceraian termasuk talaq bain, mengandung atau tidak mengandung kecuali jika isteri bertindak melakukan *nusyūz*. Dalam keadaan isteri kembali taat atau jika isteri tidak lagi *nusyūz*, maka hukum wajib pada bahu suami akan kembali kerana halangan yang menyebabkan nafkah itu tidak wajib sudah tidak berbangkit lagi.⁵⁴ Pembayaran nafkah ‘iddah hanya akan bermula setelah mahkamah mengesahkan perceraian tersebut dan permulaan bayaran hanya akan bermula selepas tarikh perceraian. Suami wajib membayar wang ‘iddah selepas perceraian disahkan oleh mahkamah syariah. Sekiranya suami enggan akan dianggap sebagai hutang dan masih boleh dituntut. Namun, apabila

⁵⁴ Al-Nawawī. (t.t). *Minhāj Al-Ṭālibīn Wa-`Umdāt Al-Muḥīṭīn Fi Al-Fiqh*. Juz. 4, Jeddah : Al-Ḥaramayn, hlmn. 54.

seseorang isteri *nusyūz* maka gugurlah hak isteri untuk menerima nafkah, pakaian dan giliran.⁵⁵

2.5.3 Implikasi terhadap Harta Sepencarian

Di dalam kitab-kitab Fiqh ada dibincangkan berkenaan persoalan pertikaian tentang harta yang dikumpul dalam tempoh perkahwinan. Ulama'-ulama' fiqh membincangkannya dengan membuat pelbagai andaian dan menyebut subjek pertikaian harta sebagai "*mata' al-Bayt*" (perkakasan rumah) atau "*mal al-Zawjayn*" (harta suami isteri). Istilah-istilah tersebut mempunyai sinonim dengan harta sepencarian yang diamalkan di Malaysia, tetapi konsep dan penjelasan ulama fiqh tentang soal pertikaian harta itu adalah lebih luas dan menyeluruh. Tuntutan pula boleh dibuat sama ada semasa dalam tempoh perkahwinan atau selepas berlaku perpisahan kerana kematian atau perceraian.

Perkara ini adalah uruf atau adat yang diterima dengan baik oleh masyarakat dan diiktiraf oleh undang-undang yang terpakai di Malaysia dan kaedah pembahagian harta sepencarian telahpun dikanunkan dan mengikat masyarakat Islam sebagai perundangan yang terpakai ke atas mereka. Oleh demikian, di Wilayah Persekutuan, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, perkara berkaitan harta sepencarian ini dijelaskan di dalam Seksyen 58.

Terdapat dua pendekatan Mahkamah dalam menyelesaikan pembahagian harta sepencarian, iaitu, ***Pertama***; bagi harta atau aset yang diperoleh bersama oleh suami dan isteri dalam tempoh perkahwinan, Mahkamah diberi kuasa memerintah supaya aset tersebut dibahagi di antara mereka. Dalam hal ini, Mahkamah dikehendaki membuat pembahagian yang sama banyak dengan mengambil kira soal-soal berikut, iaitu :

- (i) Takat sumbangan kedua-dua pihak sama ada dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperoleh asset-aset itu;

⁵⁵ Al-Ḥusainī, Imām Taqiuddīn Abū Bakr bin Muḥammad. (2009). *Op. Cit*, hlmn. 304.

- (ii) Apa-apa hutang yang terhutang oleh mana-mana pihak yang bertikai semata-mata bagi manfaat mereka bersama;
- (iii) Keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa, (jika ada)

Kedua; jika aset yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan adalah usaha tunggal oleh salah satu pihak dalam perkahwinan itu, mahkamah hendaklah membahagikan aset itu dengan kadar yang lebih besar kepada pihak yang memperoleh aset itu, dengan mengambil kira soal-soal berikut :

- (i) Takat sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memberi sumbangan dalam memperoleh aset-aset itu, tetapi dia memberi sumbangan kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;
- (ii) Keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu juga, (jika ada)

Tegasnya, peruntukan undang-undang cenderung untuk membezakan antara usaha bersama (suami isteri) dalam memperoleh aset-aset dan usaha tunggal suami, iaitu isteri hanya memberi sumbangan tidak langsung dalam menguruskan keluarga dan rumahtangga. Aset-aset yang diperoleh hendaklah dibahagi atau dijual dan hasil jualan itu dibahagi di antara mereka.

Isteri *nusyūz* yang disabitkan oleh mahkamah tidak memberi implikasi terhadap hak isteri tersebut bagi mendapat harta sepencarian. Hal ini kerana, pensabitan isteri sebagai *nusyuz* hanya memberi efek terhadap haknya bagi nafkah sahaja dan harta sepencarian merupakan usaha atau saham masing-masing atau saham dalam harta bercampur yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan. Perbahasan ulama' Fiqh dan undang-undang juga tidak menyatakan kesan atau implikasi hak isteri yang disabitkan *nusyūz* terhadap harta sepencarian. Oleh demikian, isteri yang disabitkan *nusyūz* oleh

mahkamah adalah masih berhak untuk mendapat pembahagian harta sepencarian dengan seadilnya.

2.5.4 Implikasi terhadap Mut'ah

Rujukan dalam perkara mut'ah ini adalah berdasarkan ayat 236, surah al-Baqarah :

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا لَهُنَّ فَرِيضَةً
وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى الْوَسْعِ قَدْرُهُ وَعَلَى الْمَقْتَرِ قَدْرُهُ مَتَّعًا بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى
الْمُحْسِنِينَ ﴿٢٣٦﴾

Maksud :

Hendaklah kamu memberikan mut'ah kepada mereka yang diceraikan itu, iaitu suami yang senang hendaklah memberikannya menurut kemampuan mereka dan bagi suami yang susah menurut kemampuannya sebagai pemberian saguhati menurut apa yang patut dan menjadi satu kewajipan ke atas orang yang mahu berbuat demikian.

Imam Syafi'e berpendapat pemberian mut'ah adalah wajib pada perceraian setelah berlakunya persetujuan antara suami dan isteri kerana firman Allah s.w.t dalam Surah al-Baqarah ayat 241 :

وَلِلْمُطَلَّقاتِ مَتَّعٌ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴿٢٤١﴾

Maksud:

Dan isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat Mut'ah (pemberian saguhati) dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang-orang yang taqwa.

Terdapat kekeliruan dalam memahami apakah maksud mut'ah sebagaimana yang disebut oleh ayat di atas. Ada sesetengah penterjemah al-Quran telah mensinonimkan

perkataan mut'ah dengan *nafaqa (maintenance)*. Mengikut tafsiran ulama-ulama, kedua-dua istilah ini berbeza, mut'ah adalah pemberian kepada isteri apabila berlaku perceraian manakala nafaqa sebagai satu bentuk saraan hidup seorang isteri semasa tempoh perkahwinan.

Ulama' Syafi'e mentakrifkan mut'ah adalah harta yang wajib ke atas lelaki untuk membayar kepada isterinya yang diceraikan pada masa hidup dengan talaq dan sebagainya dengan beberapa syarat.⁵⁶ Semua fuqaha sependapat bahawa wajib hukumnya mut'ah kepada isteri yang diceraikan kecuali Imam Malik yang menyatakan bahawa hukum pemberian mut'ah adalah sunat.⁵⁷

Bagi pendapat Mazhab Syafi'e, mut'ah adalah wajib bagi setiap perempuan yang diceraikan suami sama ada perceraian itu sebelum bersatu dengan suami ataupun selepasnya, kecuali bagi perempuan yang bercerai selepas bersatu dengan suaminya dan maharnya belum ditentukan (mahar musamma). Setiap perceraian ada mut'ah kecuali perempuan yang telah ditentukan mahar baginya dan perempuan yang diceraikan sebelum bersatu dengan suami atau berlaku perceraian dengan sebab perempuan atau dengan sebab suami memberi milik talaq kepada isteri kemudia isteri menjatuhkan talaqnya atau suami mati atau dengan sebab suami meli'an dan mati pucuk dengan sebab isteri (yang menuntut fasakh).⁵⁸

Kewajipan mut'ah gugur pada semua tempat yang digugurkan kesemua mahar seperti perkahwinan yang murtad dan perempuan yang difasakhkan perkahwinan dengan sebab penyusuannya dan sebagainya. Hal ini kerana mut'ah menepati satu perdua mahar yang telah ditentukan (mahar musamma). Oleh itu, maka ia gugur pada semua tempat yang digugurkan mahar.⁵⁹

Keadaan-keadaan yang menggugurkan mut'ah ialah :

⁵⁶ Zuhaily, Wahbah. (2001). Terj. Ahmad Shahbari Salamon et.al. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jil. 7, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn. 402.

⁵⁷ Mālik Ibn Anas. (t.t.). *Ibid.*, hlmn. 229.

⁵⁸ Zuhaily, Wahbah. (2001). *Op. Cit*, hlmn. 404.

⁵⁹ Zuhaily, Wahbah. (2001). *Ibid.*, hlmn. 406.

- (i) Pembubaran perkahwinan dari pihak isteri seperti isteri memfasakhkan nikah kerana ketidakmampuan suami member nafkah zahir;
- (ii) Pembubaran perkahwinan dengan sebab-sebab yang ada pada isteri seperti difasakhkan oleh suami kerana keaiban yang ada pada isteri atau isteri murtad;
- (iii) Perpisahan kerana kematian.

2.5.5 Implikasi Terhadap Hadhanah

Persoalannya ialah berkenaan dengan seseorang ibu yang telah atau pernah disabitkan *nusyūz* digugurkan haknya daripada menjadi hadhinah kepada anak-anaknya. Jika perceraian merupakan ikhtiar yang terakhir, haruslah dilakukan dengan cara yang ma'ruf, seperti dalam firman Allah, surah al-Baqarah, ayat 231.

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرِّحُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ

Maksud :

Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) kemudian mereka (hampir) habis tempoh idahnya maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik.

Cara yang ma'ruf tentulah juga mengambil kira perkara-perkara yang berkaitan dengan hak seperti hak penjagaan anak. Perundangan keluarga Islam menetapkan bahawa ibu adalah yang paling berhak berbanding segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.

Banyak juga hadis yang memberatkan ibu sebagai penerima hak penjagaan. Antaranya yang diriwayatkan dari Abdullah ibn Omar bahawa Rasulullah s.a.w bersabda⁶⁰ :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ امْرَأَةً قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ ابْنِي هَذَا كَانَ بَطْنِي لَهُ وَعَاءً، وَتُدْيِي لَهُ سِقَاءً، وَحِجْرِي لَهُ حِوَاءً، وَإِنَّ أَبَاهُ طَلَّقَنِي وَأَرَادَ أَنْ يَنْتَزِعَهُ مِنِّي، فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((أَنْتِ أَحَقُّ بِهِ مَا لَمْ تَنْكِحِي)). رواه أحمدُ وأبو داودَ، وصَحَّحَهُ الحَاكِمُ.

Maksud :

Seorang perempuan berkata : Ya Rasulullah, sesungguhnya bagi anak laki-lakiku ini perutku yang mengandungkannya, akulah yang menyusuinya dan pangkuanku lah tempat perlindungannya. Tetapi, tiba-tiba ayahnya merasa berhak mengambilnya dariku. Maka sabda Rasulullah : Engkau lebih berhak terhadapnya selama engkau belum berkahwin lagi.

Walaupun ibu dianggap sebagai pihak yang paling berkecenderungan, namun seorang ibu itu haruslah menepati syarat-syarat lain, termasuklah seorang Islam, sempurna akal, berkecenderungan untuk memberi kanak-kanak tersebut kasih sayang yang diperlukan oleh kanak-kanak tersebut, berkelakuan baik dan mempunyai kediaman yang tidak akan membahayakan kanak-kanak tersebut.

Bagi menjawab persoalan tentang *nusyūz*, *nusyūz* tidaklah terbatas kepada wanita sahaja, malah, dalam surah al-Nisa', ayat 128 ditujukan kepada suami yang juga boleh berlaku *nusyūz*. Namun, *nusyūz* yang diperuntukkan dalam undang-undang pula hanyalah dalam skop yang terhad iaitu hanya berkaitan dengan hak isteri mendapat nafkah dan tiada kena mengena dengan hak hadhanah. Penentuan hadhinah yang benar-

⁶⁰ Sunan Abū Dāūd, *Kitāb al-Ṭalāq*.

benar layak untuk menjaga anak-anak juga memerlukan penilaian terhadap karektor ibu dan bapa yang dapat dipastikan agar kepentingan dan kebajikan anak-anak dapat dijaga dan diutamakan. Kebajikan anak-anak bukan sekadar keperluan asas, perubatan dan pendidikan malah termasuk juga dari aspek akhlak, sahsiah dan pengisian rohani anak tersebut.

2.6 Kesimpulan

Nusyūz seseorang isteri berpunca daripada kecuaiian dan pengabaian tanggungjawabnya terhadap suami. *Nusyūz* boleh berlaku melalui perkataan seperti meninggikan suara ketika bercakap dengan suami apatah lagi jika bertindak memakihamun dan mengeluarkan kata-kata yang tidak sepatutnya. Selain itu, *nusyūz* juga boleh berlaku melalui tindakan atau perbuatan dan termasuklah isteri yang keluar meninggalkan rumah yang disediakan suami tanpa sebab dan alasan.

Tindakan-tindakan *nusyūz* isteri ini boleh diatasi oleh suami jika syarak dijadikan panduan. Justeru, adakah anjuran syarak berkenaan langkah-langkah menghadapi *nusyūz* isteri telah diaplikasikan sewajarnya oleh suami dalam mendapatkan ketaatan isteri. Namun, titik tolak bagi mawaddah dan rahmah dalam rumah tangga adalah sikap bertanggungjawab sama ada di sisi suami atau isteri.